



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MoU)
ANTARA RISDA DENGAN PEMBIAYA RUMAH BINA NEGARA (RBN)**

**PRIMERA HOTEL,
KUALA LUMPUR**

**13 MAC 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 12.00 TENGAHARI**

Salutasi

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

YB.DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (I)

YB DATUK HJ.AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (II)

YB. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
Pengerusi RISDA

YBHG.DATO' AZIZAN BIN MOHAMAD SIDIN
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKLW

YBHG. DATO' DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMED YUNUS
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKLW

YBHG. DATIN SERI ELENA CHIANG BINTI ABDULLAH
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan & Keusahawanan Desa KKLW

YBHG. DATO' WAN MOHD FADZMI BIN WAN OTHMAN
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Malaysia

YBHG.DATO' HJ.MOHD REDZA SHAH BIN ABDUL WAHID
Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Eksekutif Bank Muamalat Malaysia

YBHG. KETUA-KETUA AGENSI KKLW / SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN
KKLW

YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBHG. TN. HJ. MOHD IHWAN BIN SUDIM
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN / PENGARAH-PENGARAH RISDA NEGERI /
KETUA-KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SYARIKAT MILIKAN RISDA

Rakan-rakan Media

Dif-dif jemputan, Pegawai dan Kakitangan Agro Bank Malaysia serta Bank Muamalat Malaysia, seterusnya para jemputan yang dikasihi sekalian.
ASSALAMUALAIKUM W.B.T., SALAM SEJAHTERA, SALAM KASIH SAYANG DAN SALAM SEHATI SEJIWA.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di sini bagi sama-sama menjayakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Antara RISDA dengan Pembiaya Rumah Bina Negara (RBN) . Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih atas jemputan untuk saya menandatangani MoU ini dan juga syabas kepada RISDA kerana telah berjaya merangka satu lagi fasa pembangunan Transformasi Luar Bandar “Membandarkan Luar Bandar” demi pembangunan belia luar bandar dengan memberi keutamaan kepada penyediaan perumahan generasi kedua luar bandar.

2.0 PENGHARGAAN

2.1 Sekalung penghargaan kepada Bank Muamalat dan Agro Bank Malaysia kerana bersedia untuk mengukuhkan lagi hubungan melalui MOU ini yang merangkumi kerjasama dalam pembiayaan pinjaman perbankan untuk Program Rumah Bina Negara (RBN). Saya percaya dengan pembiayaan pinjaman yang ditawarkan oleh kedua-dua institusi perbankan ini memudahkan lagi pemohon RBN untuk memiliki rumah sendiri seterusnya hasrat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk mencapai 3000 unit RBN dibina sepanjang tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Hadirin sekalian,

3.0 LATAR BELAKANG RUMAH BINA NEGARA

3.1 Program RBN yang dilaksanakan oleh RISDA merupakan salah satu usaha kerajaan melalui KKLW untuk membolehkan golongan belia luar bandar memiliki rumah mampu milik. Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat tentang pemilikan rumah mampu milik. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan taraf pemilikan ekuiti dan kedudukan ekonomi orang Melayu serta bumiputera di negara ini. Salah satu dari strategi untuk mencapai matlamat ini adalah menerusi Pembangunan Infrastruktur Bagi Rumah Generasi Kedua yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia semasa dalam ucapan Bajet Tahun 2017 yang lalu

dengan peruntukan sebanyak RM 100 juta untuk melaksanakan Program RBN ini yang dikendalikan oleh RISDA dan FELCRA.

3.2 Seperti sedia maklum, RISDA melaksanakan pembinaan berkonsepkan rumah sesebuah manakala FELCRA membina secara berkelompok di kawasan – kawasan yang ditetapkan oleh pihak Felcra sendiri. Rumah Bina Negara RISDA yang pertama telah dilancarkan di Kampung Bintang, Temerloh Pahang dan pembinaannya semakin rancak dijalankan di seluruh Negara. Suka untuk saya merakamkan sekalung tahniah kepada RISDA kerana saya dimaklumkan permohonan semakin hari semakin bertambah dan setakat ini RISDA telah meluluskan 497 daripada 1,518 permohonan yang diterima.

4.0 HARGA DAN SPESIFIKASI RUMAH BINA NEGARA

4.1 Harga kos RBN sebenarnya adalah RM 65,000, namun dengan inisiatif kerajaan memberikan insentif sebanyak RM 20,000 menjadikan harga rumah lebih rendah kepada RM 45,000 sahaja. Rumah berkeluasan 700 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air termasuk kelengkapan asas seperti lampu, kipas dan juga bekalan air. RBN terbuka kepada semua belia luar Bandar berumur 18 hingga 45 tahun dan perlu dibina di tanah milik sendiri atau ibu bapa. Bagi pembinaan RBN di Sabah dan Sarawak pihak kementerian berhasrat untuk mengekalkan harga pada kadar yang sama iaitu RM 45,000. Kita sedar kos bahan untuk pembinaan lebih mahal di Sabah dan Sarawak namun matlamat KKLW yang utama adalah untuk membantu belia luar Bandar memiliki rumah terutama bagi mereka yang telah berkahwin dan masih tinggal bersama ibu bapa serta membantu mengurangkan kos sara hidup.

5.0 FAEDAH KERJASAMA DENGAN BANK YANG DILANTIK

5.1 Justeru itu, melalui persefahaman ini, pihak KKLW juga berhasrat memudahkan pembiayaan pemohon terutama belia yang tidak mempunyai penyata pendapatan khususnya yang bekerja di sector perladangan, pertanian dan industri desa. Selain itu, melalui produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan hari ini keutamaan pembinaan RBN turut diberikan kepada pesara atau bakal pesara tentera yang akan berpencen. Besarlah harapan saya kumpulan ini mengambil peluang sebaik mungkin dengan mengisi borang permohonan di pejabat RISDA seluruh Negara. Saya percaya pihak pengurusan Agro Bank dan Bank Muamalat pastinya menawarkan produk pembiayaan yang terbaik serta sesuai dengan situasi ekonomi semasa penduduk luar Bandar.

6.0 PENUTUP

6.1 Akhir kata, semoga majlis pada hari ini akan menjadi penanda aras baharu kepada kedua belah pihak untuk terus bekerjasama dalam memastikan kemajuan generasi kedua luar bandar tidak terpinggir dibawa arus zaman. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada RISDA, Bank Muamalat dan Agro Bank Malaysia dalam kerjasama menjayakan Majlis Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) pada hari ini. Semoga kerjasama ini akan merencanakan lagi pendekatan *National*

Blue Ocean Strategic (NBOS) yang digalakan oleh kerajaan serta memberi kesan positif kepada masyarakat luar Bandar.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Terima kasih.